

16 OCT 1997

DR MAHATHIR AKTIF SEMULA SELEPAS SELESEMA

PETALING JAYA, 16 Okt (Bernama) -- Walaupun baru sembuh daripada selesema, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini tampil ke pentas untuk merasmikan Mesyuarat Menteri Ekonomi Asean (AEM) ke-29 dengan gaya biasanya yang bersemangat dan bertenaga.

Ahli perubatan yang bertukar menjadi ahli politik itu nampaknya sudah sihat selepas berehat selama dua hari ekoran selesema, yang menurut para pembantunya, disebabkan alahan kepada beberapa jenis bunga dan aturcara yang terlalu sibuk sebelum itu.

Dr Mahathir, yang dikatakan mempunyai alahan kepada debunga, dilaporkan mendapat selesema itu selepas melancar kempen Teknologi Maklumat di Angkasapuri yang disiarkan secara langsung melalui semua stesen TV Sabtu lepas.

Pada majlis di Sunway Lagoon Resort Hotel di sini pagi ini, Dr Mahathir masih terpaksa berhenti beberapa kali semasa menyampaikan ucapannya selama 30 minit itu, apabila diganggu selesema yang membuatkan beliau terbatuk-batuk.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz datang membantu dengan memberi air kepada beliau.

Para hadirin yang ternyata tersentuh oleh keadaan itu, memberi semangat dengan tepukan gemuruh kepada Dr Mahathir, lantas beliau mengukir senyuman dan meneruskan ucapannya.

Dalam ucapan sepanjang lapan muka surat itu, Dr Mahathir mengingatkan negara-negara Asean bahawa dalam menarik pelaburan jangka panjang mereka seharusnya menolak "operasi pelaburan wang panas yang tidak membawa kemakmuran kepada kita."

Dr Mahathir kemudian menyertai sesi bergambar dengan para menteri yang menghadiri mesyuarat itu sebelum meninggalkan hotel itu untuk menghadiri majlis lain pula. -- BERNAMA

ES RN NMO